

UMSKAL, Kolej Komuniti Beaufort kongsi kepakaran pensyarah

UB 24.07.2024 P.07

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Profesor Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid menerima kunjungan hormat pegawai Kolej Komuniti Beaufort di Bilik Mesyuarat, Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL pada Isnin lalu.

Pengarah Kolej Komuniti Beaufort, Julkifli Awg Besar mengetuai kunjungan hormat berkenaan.

Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Pengarah, Azlenah Mohd Sen, Pegawai Pengambilan, Dayang

Noorlizah Awang Mahmood, Pegawai Pembelajaran Sepanjang Hayat, Rahaliza Abd Rahim dan Pensyarah Kanan, Nurhayati Hassan.

Julkifli berkata, agenda kunjungan itu ialah untuk menjalin hubungan bersama bagi mendapatkan informasi potensi pengwujudan kolej komuniti baharu di Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain itu, mendapatkan input daripada UMSKAL berkenaan hala tuju pendidikan tinggi di Labuan.

“Berkongsi kepakaran bidang pensyarah daripada

kedua-dua pihak dalam pembelajaran sepanjang hayat.

“Kunjungan ini adalah sebagai inisiatif mewujudkan kerjasama KKB dan UMSKAL dalam berkongsi pengetahuan dan peluang pendidikan atau bidang-bidang kemahiran yang berkaitan,” katanya.

Sementara itu, Mohamad Rizal mengalau-alukan komitmen dan usaha daripada Kolej Komuniti Beaufort untuk mewujudkan kolej komuniti baharu di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, pihak UMSKAL

jugabersediaberkongsi pengetahuan dan kepakaran pensyarah bagi memastikan pendidikan tinggi berkembang maju di wilayah ini.

“Kami mengalau-alukan kerjasama pintar dengan Kolej Komuniti Beaufort sekali gus memberi ruang dan peluang kepada pelajar melanjutkan pengajian dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat,” katanya.

Beliau juga mengalau-alukan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan bagi meningkatkan pendidikan tinggi di pulau bebas cukai ini.



PENGHARGAAN: Mohamad Rizal (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Julkifli sempena kunjungan hormat itu.